

15 JAN 2003

Khair-Syariah

SELANGOR PINDA UNDANG-UNDANG SYARIAH BERKAITAN PENCERAIAN

SEPANG, 15 Jan (Bernama) -- Selangor akanewartakan beberapa pindaan dalam enakmen undang-undang syariah berkaitan penceraian pada Mac ini, kata Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo.

Beliau berkata, kerajaan negeri akan membawa cadangan pindaan kepada beberapa enakmen undang-undang syariah yang membabitkan hal penceraian ke sidang Dewan Undangan Negeri untuk dilulus sebelum diwartakan.

"Pindaan kepada enakmen undang-undang syariah ini salah satunya ialah kebenaran kini diberikan kepada para kadi untuk menyelesaikan kes penceraian," katanya pada persidangan akhbar selepas mesyuarat mingguan exco kerajaan negeri, di Pejabat Daerah dan Tanah Sepang, di sini hari ini.

Mohamad Khir diminta mengulas arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya pihak berkuasa di negeri-negeri mengambil tindakan segera untukewartakan undang-undang syariah di negeri masing-masing.

Dr Mahathir menggesa kerajaan negeri agarewartakan undang-undang keluarga Islam secepat mungkin ke arah menyelesaikan dakwaan berlakunya ketidakseragaman undang-undang Islam termasuk berkaitan hal poligami.

Mohamad Khir berkata, pada masa ini keputusan pasangan untuk bercerai adalah dibawah kelulusan dan kebenaran pihak Mahkamah Syariah.

Katanya, pindaan kepada enakmen undang-undang syariah negeri Selangor turut dilihat sebagai satu langkah untuk menyeragamkan undang-undang itu antara Mahkamah Syariah di negeri-negeri.

Mohamad Khir berkata, Selangor telah pun menerima pakai undang-undang syariah berkaitan poligami yang telah dibawa kepada Majlis Raja-Raja sebelum diluluskan.

"Mengikut undang-undang ini, kita secara amnya bersetuju bahawa kelayakan seseorang suami untuk berkahwin lain adalah ditentukan oleh mahkamah, bukannya isteri pertama," katanya.

Katanya, bukannya hak isteri untuk menilai keupayaan suami samada boleh berkahwin lain tetapi ia adalah hak mahkamah yang menentukan kelayakan berkahwin.

-- BERNAMA

RIZ HM